

# MODUL FALSAFAH DAN ISU SEMASA

Penyelenggara
NOOR HISHAM MD NAWI

Hak Cipta PENERBIT UMK, 2020

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah, Raihana Sulaiman, Pengarah Seni: Yusroyka Karim. Pereka: Fatinah Ilias. Pembantu Teknikal: Siti Asma Mohd Rozid.

Diterbitkan oleh:
Penerbit UMK
Universiti Malaysia Kelantan
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa,
16100 Kota Bharu,
Kelantan
(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))
(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

Dicetak oleh:

# KANDUNGAN


Senarai Penyumbang Bab vi

Prakata vii

**BAB 1 PENGENALAN** **1**
*Noor Hisham Md Nawi*

**BAB 2 FALSAFAH DALAM KEHIDUPAN** **11**
*Asma' Lailee Mohd Noor & Nur Azuki Yusoff*

**BAB 3 LOGIK DAN FALSAFAH** **23**
*Mohd Kamil Ahmad & Nurul Iman Mohd Zain*

**BAB 4 FALASI DALAM BERFIKIR** **33**
*Mohd Kamil Ahmad & Nurul Iman Mohd Zain*

**BAB 5 PSIKOLOGI DAN SOSIOLOGI (KONSEP INSAN I)** **41**
*Nik Yusri Musa & Azman Bidin*

**BAB 6 METAFIZIK (KONSEP INSAN II)** **53**
*Azman Bidin & Nik Yusri Musa*

**BAB 7 EPISTEMOLOGI** **63**
*Mohd Kamil Ahmad & Nurul Iman Mohd Zain*

**BAB 8 IDEOLOGI RELATIVISME PASCAMODEN** **77**
*Marwan Ismail*

**BAB 9 DEKOLONISASI** **87**
*Burhan Che Daud*

**BAB 10 KAJIAN KES TERPILIH** **97**
*Noor Hisham Md Nawi*

**BAB 11 RUMUSAN DAN PENUTUP** **107**
*Noor Hisham Md Nawi*

**Glosari** **111**

**Indeks** **115**

**Biodata Penyelenggara** **117**

## SENARAI PENYUMBANG BAB

**Noor Hisham Md Nawi**
Pensyarah Kanan
Pusat Bahasa dan Pengajian Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**Asma' Lailee Mohd Noor**
Pensyarah Kanan
Pusat Bahasa dan Pengajian Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**Nur Azuki Yusoff**
Pensyarah Kanan
Pusat Bahasa dan Pengajian Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**Mohd Kamil Ahmad**
Pensyarah Kanan
Pusat Bahasa dan Pengajian Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**Nurul Iman Mohd Zain**
Pensyarah Kanan
Pusat Bahasa dan Pengajian Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**Nik Yusri Musa**
Pensyarah Kanan
Pusat Bahasa dan Pengajian Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**Azman Bidin**
Pensyarah Kanan
Pusat Bahasa dan Pengajian Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**Marwan Ismail**
Pensyarah Kanan
Pusat Bahasa dan Pengajian Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**Burhan Che Daud**
Pensyarah Kanan
Pusat Bahasa dan Pengajian Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

# BAB 8
# IDEOLOGI RELATIVISME PASCAMODEN

*Marwan Ismail*

---

## HASIL PEMBELAJARAN

- Menjelaskan cabaran ideologi relativisme pasca moden sebagai reaksi kegagalan modeniti.
- Menjelaskan perkembangan fenomena dan manifestasi relativisme pascamoden.
- Menghuraikan implikasi relativisme pascamoden dalam menafikan kebenaran dan hakikat dalam kehidupan.
- Menganalisis jawapan agama dan tradisi terhadap cabaran relativisme pascamoden dalam kehidupan semasa.

## PENDAHULUAN

Bab ini akan dimulai dengan menelusuri sejarah perkembangan konsep modenisme dan pascamodenisme yang melahirkan ideologi pemikiran relativisme pascamoden. Aliran pemikiran ini telah memberi kesan yang besar kepada sistem kehidupan dan peradaban manusia sejagat. Bab ini juga akan menyentuh beberapa ciri pemikiran relativisme pascamoden dan bagaimana ia tersebar pada era globalisasi. Fokus turut diberikan kepada implikasi dan cabaran pemikiran relativisme dalam kehidupan serta solusi yang ditawarkan oleh agama dan tradisi keilmuan untuk menanganinya secara tuntas.

## SEJARAH PERKEMBANGAN IDEOLOGI MODEN DAN PASCAMODEN

Sejarah perkembangan ideologi moden dan pascamoden merupakan lanjutan daripada pertentangan di antara golongan cendekiawan dengan golongan teologi Kristian pada era Renaissance. Gerakan ini melahirkan falsafah moden berasaskan faham humanisme (fahaman manusia boleh berdiri sendiri dan tidak lagi memerlukan Tuhan dalam kehidupan). Setelah itu berlakulah revolusi sains dalam abad ke 17 M dan bermulalah proses sekularisasi yang mengakibatkan pemisahan secara total dalam lapangan ilmu pengetahuan dan agama.

Tokoh utamanya adalah Francis Bacon (1561-1626) yang mengutarakan sains untuk menggantikan agama bagi membawa kesejahteraan kepada kehidupan manusia. Pemantapan falsafah moden ini diteruskan lagi oleh Rene Descartes (1596-1650) yang menyatakan kebenaran hanya boleh dicapai melalui sumber akal yang rasional dan pengalaman manusia (Abdul Rahman, 2016). Di sepanjang sejarah tersebut, lahir pelbagai teori dan aliran dalam memahami makna kebenaran dan ilmu. Kepelbagaian aliran tersebut sama ada dalam bidang ilmu sains tabii, kemanusiaan dan sains sosial berkait secara langsung dengan falsafah pemikiran moden dan pascamoden.

Modul ini dibangunkan dengn tujuan untuk mempersiapkan generasi baharu agar berupaya berfikir secara kritikal dan rasional dalam menanggapi pelbagai cabaran pemikiran yang berkait dengan isu dan ideologi semasa. Antara cabaran besar tersebut ialah mempertahan dan mengekalkan jatidiri dalam menghadapi gerakan ideologi relativisme pascamoden global yang menisbikan segala bentuk hakikat dan kebenaran dalam kehidupan. Berdasarkan latar tersebut, modul ini membincangkan mengenai epistemologi, metafizik, psikologi dan sosiologi, logik dan metodologi yang bersambungan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Secara keseluruhan, modul ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu kontekstualisasi falsafah, analisis falsafah dan aplikasi falsafah bagi mendepani isu dan ideologi semasa. Adalah diharapkan semoga modul ini dapat membimbing pelajar untuk memahami kursus Falsafah dan Isu Semasa dengan lebih baik dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Universiti Malaysia KELANTAN
PENERBIT

press.umk.edu.my Penerbit UMK umkpress penerbit@umk.edu.my